

09/04/2004

Mentaliti kelas pertama gabung nilai hidup terbaik

Zamri Mohamad

MENTALITI kelas pertama. Satu gagasan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu kita untuk memikir dan merencanakan bentuk pemikiran demikian dalam kehidupan di bawah kepemimpinan kerajaan beliau. Namun apakah yang dimaksudkan dengan mentaliti kelas pertama itu?

Perdana Menteri mungkin mempunyai pengertian tersendiri sedang kita pula masih mencari-cari dan membuat andaian masing-masing di sebalik pengertiannya.

Mentaliti kelas pertama mungkin dianggap mencari dan membina kesempurnaan rangka komuniti dalam membina jaringan sosial yang kukuh.

Kesempurnaan ini bukanlah bermaksud setiap perkara perlu ditukar kepada yang baru sebaliknya menggantikan nilai-nilai yang merosakkan kepada kebaikan, yang melambatkan, kepada daya lebih cepat.

Kualiti amat diutamakan dalam mentaliti kelas pertama meskipun jumlah rakyat Malaysia mencapai jutaan angka. Namun, persoalannya berapa ramaikah yang akan merasakan diri mereka mampu menjadi rakyat yang berkualiti?

Bagi penulis, mentaliti kelas pertama merujuk kembali di mana kita berada hari ini dan ke mana kita selepas ini. Jika kita cuba mencari memang agak sukar mendapatkan negara yang boleh dijadikan contoh memiliki mentaliti kelas pertama kerana ia adalah gabungan nilai-nilai kehidupan terbaik.

Jika dari sudut teknologi kita mungkin mengambil Jepun sebagai model dan rujukan dalam mengetengahkan kemahiran dan ilmu yang sama yang mengangkat daya inovasi dan kreativiti negara itu ke negara kita.

Jika dulu komputer sebesar ruang beberapa buah bilik jauh daripada gambaran masyarakat, hari ini ia mampu dikecilkan menjadi sebesar tapak tangan. Teknologi dan penciptaan adalah sesuatu yang berkembang dan berubah setiap hari dan ini sudah dicapai di Jepun.

Melihat kembali apa yang berlaku hari ini, bersiap sedia pada masa kini dan menyediakan ruang kehidupan masa depan mungkin satu corak pemikiran kelas pertama. Sentiasa tahu apa yang perlu dilakukan hatta tindakan sekadar sekecil anak.

Jangan apabila disebut istilah 'rakyat', ia disalah faham dengan hanya merujuk kepada kelompok yang menggunakan perkhidmatan awam dan yang mengadu di atas ketidakcekapan yang berlaku sehingga suara dan wajah yang mengadu muncul pada waktu perdana.

Tetapi rakyat turut meliputi setiap kakitangan yang berkhidmat untuk pelanggannya. Maka istilah rakyat mentaliti kelas pertama amat menitik beratkan kesungguhan dalam menjayakan sistem pentadbiran.

Apabila wakil rakyat diminta akur kepada kod etika kerja, ramai yang menyokong dan mengangkat tangan rasa berpuas hati dengan pengenalannya. Kod etika tidak seharusnya hidup pada awal pengenalannya sebagaimana disebutkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam wawancara pilihan raya sebelum ini.

Ketika era Mahathir dulu, beliau pernah meminta wakil rakyat menyerahkan laporan prestasi yang disambut dengan pelbagai reaksi oleh wakil pilihan rakyat sendiri.

Jika mereka terus memberi alasan atau sekadar bersemangat mencurahkan bakti kepada rakyat pada awal tugas saja, maka mentaliti kelas pertama kelihatan mustahil untuk direncanakan.

Gejala sosial makin menjadi-jadi dan meneruskan kebangkitan merosakkan di kalangan remaja. Dasar Sosial Negara (DSN) tidak dapat berdiri tanpa

dukungan rakyat dalam memastikan keharmonian serta cara hidup masyarakat yang seimbang minda dan fizikal.

Sebagaimana diketahui, DSN adalah satu dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap.

Dasar ini yang diluluskan oleh Kabinet pada 19 Februari 2003 yang bermatlamat mewujudkan masyarakat Malaysia yang maju dan mapan dari aspek sosial, ekonomi dan teknologi.

Setiap anggota masyarakat berpeluang untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat berdasarkan ciri-ciri bersatu padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

Mentaliti kelas pertama bukan sekadar mengundang perkataan 'maju' bertalu-talu ke dalam minda. Ia perlu diangkat bersama sikap dan matlamat dalam penyucian hati agar nilai-nilai murni dapat diterapkan kembali.

Tamadun terdahulu dengan penduduknya jauh lebih hebat daripada masyarakat hari ini musnah bukan sekadar lemah dari segi struktur fizikal, kegagalan mengimbangi - nilai murni yang sering ditolak ke tepi menjadikan mereka gagal mempertahankan apa yang telah dibangunkan menjadi ketakjuban dunia moden.

Kerana itu, nilai pendidikan tidak harus dilihat sebagai pengembang karier dan pencapaian individu dalam melakarkan kejayaan sebaiknya ia dilihat dengan mata hati dalam menilai ke mana dan bagaimana hidup ini perlu dimanfaatkan dan lebih dihargai.

Sedia bekerjasama dalam membina masyarakat cemerlang di mata dunia tidak sekadar memerlukan manusia yang hebat dari sudut kewangan dan kekuasaan semata-mata.

Idea yang bernas datang daripada rakyat, kritikan bersifat memperbaiki keadaan sebagaimana disuarakan oleh Perdana Menteri menggambarkan keperluan rakyat untuk terus bergiat secara proaktif dan tidak sekadar meminta dan menggunakan setiap bentuk kemudahan yang disediakan.

Mentaliti kelas pertama tidak menolak pengukuhan nilai agama dan budaya yang memperkuatkan jati diri bangsa Malaysia. Sejajar perkembangan masa, perkara yang menjadi teras perlu dipertahankan dalam menjana survival rakyat dalam menjadikan Malaysia negara contoh dalam sejarah dunia yang masih belum dilakar.

Jika dulu, bangsa Eropah menjadi sumber rujukan sejarah terdahulu yang sewenang-wenang mengetepikan kehebatan bangsa lain sebagaimana berlaku dalam catatan sejarah awal Tanah Melayu yang menampakkan betapa lemah dan sentiasa tersungkur memohon bantuan bangsa berkulit putih dalam apa jua keadaan.

Apa berlaku itu membuat kita sendiri segan dan malu menceritakan perjuangan rakyat dalam kitab mereka di hadapan anak-anak.

Hari ini kita perlu memutar kembali keadaan itu dengan perubahan besar dalam corak hidup dan tindakan. Sudahkah kita bersedia untuk itu?